



Antara **peralatan** untuk menghasilkan coklat yang dipamerkan.

B/H 11/12/12 MS 6

Bongkar rahsia Muzium Coklat

» Koleksi khas papar pelbagai maklumat sebenar makanan terkenal dunia

makanan terkenal dunia itu. Pelbagai elemen menarik menanti di bawah satu bumbung jika berkunjung ke muzium yang mula dibuka 1 November lalu itu.

Ketengah konsep 3E

Inisiatif itu diilhamkan sendiri pengasas DR Group Holdings Sdn Bhd, Datuk Dahalan Rashid, mengetengahkan konsep 3E yang merangkumi tiga aspek kehidupan utama manusia iaitu *Experience* (pengalaman), *Education* (pembelajaran) dan *Enjoyable* (keseronokan).

Timbalan Pengarah Urusan DR Group Holdings Sdn Bhd, Mohd Khairudin Abdul Jalil, berkata muzium itu pasti memberi kepuasan dan pengetahuan berguna kepada pengunjung.

Katanya, sambutan yang diterima amat memberangsangkan sehingga ada di antara pengunjung mengulangi kunjungan ke situ.



Oleh **Suhaila Shahrul Anuar**
suhaila.shahrul@bharian.com.my

► **Petaling Jaya**

Malaysia terus mencipta nama pada peringkat serantau dan dunia, terbaru melalui pembukaan Muzium Coklat di Kota Damansara di sini, yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Tiada bayaran masuk dikenakan ke muzium yang memaparkan 1,001 maklumat mengenai



Pelbagai jenis coklat turut dijual dengan harga murah di sini.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

Keunikan **replika naga yang diperbuat daripada coklat** menanti pengunjung di Muzium Coklat. [FOTO SUGUMARAN SUPPIAH/ BH]

“Muzium ini sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami untuk mendidik pengunjung mengenai rahsia tersembunyi coklat.

“Ia platform terbaik dan pendekatan untuk masyarakat menuntut ilmu secara santai mengenai makanan kegemaran ramai itu.

Penghasilan coklat

“Pengunjung bukan saja memperoleh maklumat mengenai proses

pembuatan coklat, malah sejarah makanan ini sejak 3,000 tahun lalu serta manfaatnya kepada kesihatan. Matlamat kami, apabila pengunjung melangkah keluar dari sini, pengetahuan mereka mengenai coklat bertambah,” katanya.

Pengunjung juga berpeluang melihat sendiri proses pembuatan coklat melalui interaksi secara langsung dengan chef yang bertugas, melihat pameran mesin pengadun coklat selain membeli

coklat kegemaran pada harga lebih murah berbanding pasaran.

Khairuddin berkata, pengunjung perlu merasai sendiri pengalaman menerokai muzium berkenaan kerana banyak pengalaman dan ilmu berharga boleh mereka dapati di situ.

“Terdapat pelbagai barangan unik seperti mesin pengadun coklat yang diimport khas dari salah satu syarikat coklat terkemuka dunia iaitu Lindt Chocolate untuk dipamerkan di sini,” katanya.

64.8 peratus



pengeluaran koko dunia dihasilkan Afrika

14.2 peratus


koko dikeluarkan di Amerika

17.4 peratus

pengeluaran koko dihasilkan Asia



Pelbagai jenis coklat turut dipamerkan untuk tatapan pengunjung.



Replika kasut yang dibuat daripada coklat turut dipamerkan di Muzium Coklat.



B/4 11/12/12 MS7

“*Kunjungan saya ke sini berjaya mengubah persepsi buruk mengenai coklat. Sebelum ini saya fikir yang negatif saja mengenai makanan ini, tetapi selepas melawat dan menerokai ‘dunia coklat’ yang diciptakan di sini, persepsi saya terus berubah”*

Rodziah Mustafa,
Pengunjung

Ubah persepsi buruk, jana pengetahuan

Penubuhan Muzium Coklat pertama di Malaysia dan Asia Tenggara adalah dimensi baru sektor pelancongan yang mampu menarik kunjungan lebih ramai pelancong ke negara ini.

Pengunjung, Rodziah Mustafa, 32, berkata muzium itu bukan saja mampu menjadi ejen menambah ilmu, tetapi juga melonjakkan potensi sektor pelancongan negara.

“Penubuhan muzium ini satu idea unik syarikat Bumiputera yang patut dibanggakan rakyat Malaysia. Ia membuktikan Bumiputera mampu berfikir dan mencipta idea bernas yang bermanfaat kepada pembangunan ekonomi kita.

gai maklumat yang disediakan di situ.

“Kunjungan saya ke sini berjaya mengubah persepsi buruk mengenai coklat. Sebelum ini saya fikir yang negatif saja mengenai makanan ini, tetapi selepas melawat dan menerokai ‘dunia coklat’ yang diciptakan di sini, persepsi saya terus berubah.

Kaya khasiat

“Coklat sebenarnya kaya dengan pelbagai khasiat jika diambil dalam kuantiti yang betul,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Hamizah Jaafar, 35, berkata muzium yang padat dengan pelbagai mak-



INFO

Muzium Coklat

- ⊗ **Dibuka** 1 November 2012
- ⊗ Beroperasi jam 10 pagi-5 petang Isnin-Sabtu
- ⊗ **45 minit** pemanduan dari KLIA
- ⊗ **Setengah** jam pemanduan dari pusat bandar Kuala Lumpur

Sejarah coklat

- ⊗ Coklat nama makanan diolah daripada biji koko
- ⊗ **Koko ditemui** pada 1502 oleh Christopher Columbus
- ⊗ **la dijumpai** di daerah Amazon utara hingga Chiapas, bahagian paling selatan Mexico
- ⊗ **Awal abad** ke-17, jadi minuman penyegar digemari di istana Sepanyol
- ⊗ **Kira-kira** 100 tahun selepas kedatangan koko di Eropah, coklat amat terkenal di London
- ⊗ **Rumah** coklat pertama dibuka di London pada 1657

Manfaat coklat

- ⊗ **Satu daripada** bahan dalam serbuk koko boleh menghalang pembiakan bakteria yang akan membentuk plak gigi
- ⊗ **1 auns coklat** mengandungi 5 miligram kafein, berbanding 93-153 miligram kafein dalam secawan kopi dan 28 hingga 44 miligram bagi secawan teh

pada pembangunan ekonomi kita. “Ibu bapa perlu mengambil peluang membawa anak-anak ke muzium ini kerana ia pasti meninggalkan kenangan dan memberi pengalaman berharga yang tidak dapat dilupakan,” katanya yang selama ini mempunyai persepsi buruk mengenai coklat.

Ubah tanggapan negatif

Tanggapan negatif mengenai makanan itu, katanya, juga boleh berubah apabila mendapatkan pelba-

padat dengan pelbagai maklumat serta sejarah mengenai coklat itu sesuai dijadikan tempat latihan pelajar sekolah.

“Ia pasti memberikan pengalaman berharga kepada pelajar kerana mereka berpeluang menambah ilmu mengenai makanan kegemaran ini.

“Pasti ramai tidak tahu coklat mempunyai khasiat sangat tinggi untuk kesihatan otak, paru-paru, usus, pankreas, tulang, sistem imunisasi dan hati,” katanya.

CHOCOLATE MUSEUM



Pengunjung berpeluang melihat sendiri cara penghasilan coklat.

